

**Siaran Berita**  
**9 April 2026**

## **EKUINAS MELABUR DALAM AIN MEDICARE, PENGELUAR PRODUK FARMASEUTIKAL STERIL TERKEMUKA UNTUK MEMACU PERTUMBUHAN**

### **Sorotan Penting: -**

- Ekuinas memperoleh pegangan minoriti strategik dalam Ain Medicare Sdn Bhd, syarikat milik Bumiputera yang merupakan pengeluar produk farmaseutikal parenteral steril yang terkemuka.
- Ain Medicare mempunyai rekod prestasi menjangkau 30 tahun dan rangkaian pelbagai produk meliputi berbilang bidang terapeutik dengan asas pelanggan yang kukuh, termasuk Kerajaan Malaysia, penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan pasaran antarabangsa.
- Pelaburan Ekuinas dalam Ain Medicare mencerminkan kerjasama dengan rakan strategik yang kukuh untuk memanfaatkan pertumbuhan industri farmaseutikal Malaysia yang kian berkembang, sambil memperkukuh pemilikan ekuiti Bumiputera yang mampan di bawah agenda nasional GEAR-uP, khususnya melalui strategi *Bumiputera Relay Race*.

**KUALA LUMPUR, 9 April 2026:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini telah mengumumkan pelaburannya dalam Ain Medicare Sdn Bhd ('Ain Medicare' atau 'Syarikat'), pengeluar produk farmaseutikal parenteral steril milik Bumiputera yang terkemuka.

Pelaburan ini, yang dibuat melalui dana Tranche IV Ekuinas berjumlah RM1 bilion, menyaksikan Ekuinas memperoleh pegangan saham minoriti strategik dalam Syarikat. Ini sejajar dengan mandat Ekuinas untuk meluaskan perusahaan Bumiputera yang beroperasi dalam sektor strategik yang menyumbang kepada daya tahan ekonomi jangka panjang Malaysia.

Aliff Omar Mohamad Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, berkata, “Penjagaan kesihatan adalah salah sebuah industri utama bagi Ekuinas dan subsektor farmaseutikal memainkan peranan penting untuk menjana pertumbuhan industri bernilai tinggi dan serta daya tahan negara. Ain Medicare telah menempa nama sebagai pengeluar tempatan yang terkemuka bagi produk parenteral steril, dengan rekod prestasi terbukti selama 30 tahun, asas pelanggan yang pelbagai serta saluran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang kukuh.”

“Industri farmaseutikal Malaysia dijangka berkembang sekitar 6.4% setahun dan berpotensi mencapai nilai menjangkau RM15 bilion menjelang tahun 2030, mencerminkan peningkatan permintaan penjagaan kesihatan, perubahan demografi serta pengukuhan keupayaan pembuatan domestik. Seiring dengan tumpuan dan kemajuan negara dalam sektor ini, industri farmaseutikal semakin diiktiraf sebagai sektor strategik yang menyumbang kepada daya tahan ekonomi, keselamatan bekalan dan pembangunan industri bernilai tinggi. Modal institusi memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan syarikat tempatan yang berpotensi berkembang dalam industri keutamaan. Asas jangka panjang sektor ini, yang disokong oleh pengukuhan kawal selia, pengembangan eksport serta inovasi dalam produk khusus, menawarkan peluang pertumbuhan mampan sambil menyumbang secara signifikan kepada aspirasi ekonomi Malaysia secara lebih luas.”

Dato’ Rick Ramli, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Ekuinas serta Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), berkata, “Pelaburan ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh penyertaan Bumiputera dalam sektor strategik, selaras dengan objektif Ekuinas untuk membangunkan syarikat Bumiputera yang berdaya saing dan mampu berkembang secara mampan. Perjalanan Ain Medicare merupakan contoh jelas pelaksanaan konsep ‘Bumiputera Relay Race’, apabila syarikat ini disokong oleh VentureTECH dari tahun 2017 hingga 2025 bagi memperkukuh keupayaan operasi serta meningkatkan kapasiti pembuatan, sebelum melangkah ke fasa seterusnya bersama Ekuinas.

“VentureTECH, sebuah syarikat pelaburan yang ditubuhkan kerajaan dan memberi tumpuan kepada industri bernilai tambah tinggi serta berteraskan teknologi, sebelum ini menyokong Syarikat pada peringkat awal pertumbuhannya. Ini merupakan ‘Relay Race’ kedua selepas Orkim Berhad dan menyerlahkan bagaimana sokongan institusi yang terselaraskan mampu mempercepat pertumbuhan syarikat Bumiputera berpotensi tinggi. Ia juga mencerminkan hasil signifikan daripada penglibatan Ekuinas dalam ekosistem PNB yang lebih luas, sekali gus membolehkan penyelarasan yang lebih kukuh dari segi modal, keupayaan serta penciptaan nilai jangka panjang merentasi institusi.”

Aliff Omar Mohamad Omar menambah, “Secara keseluruhannya, pelaburan ini menekankan kepentingan kerjasama strategik antara dana pelaburan berkaitan kerajaan dan syarikat portfolio masing-masing dalam membina syarikat Malaysia yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan bersedia menghadapi masa hadapan.”

Ain Medicare, yang diasaskan pada 1993 dan beribu pejabat di Kota Bharu, Kelantan, telah membina kepakaran khusus dalam produk farmaseutikal parenteral steril. Portfolio produknya yang pelbagai memenuhi spektrum luas keperluan terapeutik, daripada larutan intravena dan bahan suntikan isi padu kecil kepada larutan irigasi dan pekatan hemodialisis, yang penting bagi pesakit di hospital dan penerima dialisis serta keperluan rawatan kritikal lain. Pelanggan sedia ada Syarikat termasuk Kerajaan Malaysia, penyedia penjagaan kesihatan swasta serta pasaran antarabangsa.

Ain Medicare kini mengendalikan 7 kemudahan pembuatan yang terletak di di Kota Bharu dan Kulim. Syarikat mempunyai pensijilan daripada badan-badan tempatan dan antarabangsa, seperti National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA), Medical Device Authority (MDA) serta International Organization for Standardization (ISO), mencerminkan pematuhan kepada piawaian kawal selia yang ketat dan jaminan kualiti yang tinggi. Syarikat juga memberi penekanan yang signifikan terhadap pembangunan produk yang memenuhi piawaian Halal – jenama dalamannya mempunyai persijilan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(JAKIM). Tumpuan strategik ini bertujuan mengukuhkan daya tarikan Syarikat di pasaran antarabangsa, khususnya di rantau yang mempunyai populasi Islam atau majoriti Muslim. Produk Syarikat kini dieksport ke 17 pasaran antarabangsa meliputi Timur Tengah, Asia Pasifik, Eropah, Amerika Selatan dan Oceania.

Dengan tenaga kerja hampir 1,400 orang yang majoritinya terdiri daripada Bumiputera, Ain Medicare merupakan antara majikan swasta terbesar dalam negeri Kelantan. Syarikat juga menyokong lebih daripada 100 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia dalam bidang logistik, pembungkusan, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal menerusi inisiatif pembangunan vendornya sendiri.

Dato' Wan Ariff Wan Hamzah, Pengerusi Ain Medicare berkata, “Kerjasama dengan Ekuinas ini menandakan satu pencapaian penting bagi Ain Medicare. Dengan sokongan modal dan kepakaran institusi mereka, kami berada pada kedudukan yang kukuh untuk mempercepat pelaksanaan pelan pertumbuhan strategik kami. Kami memberi tumpuan terhadap produk generik khusus dan produk suntikan lanjutan untuk memanfaatkan segmen Bahan Suntikan Isi Padu Rendah, di samping memperluas jejak antarabangsa kami. Selain itu, kami berbangga kerana telah membina sebuah organisasi yang berdaya tahan serta ekosistem sokongan yang kukuh melalui pembangunan bakat tempatan dan pengukuhan rangkaian vendor kami di Malaysia. Kami berharap untuk bekerjasama rapat dengan Ekuinas untuk membawa Ain Medicare ke peringkat seterusnya dari segi skala dan daya saing.”

Pelaburan ini mengukuhkan kekuatan asas Ain Medicare dan meletakkan Syarikat ini pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan pertumbuhan berterusan industri farmaseutikal Malaysia. Dengan sokongan institusi yang berterusan dan pelan hala tuju jelas untuk berkembang maju, Ain Medicare bakal mengukuhkan peranannya sebagai pengeluar utama produk farmeseutikal parenteral steril yang terkemuka.

-Tamat-



### **Mengenai Ekuiti Nasional Berhad**

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat membina syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang Malaysia sambil menggalakkan penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Objektif utama Ekuinas ialah menjana nilai kewangan atas pelaburan untuk memastikan objektif sosialnya dicapai dengan cara yang mampan. Setakat ini, Ekuinas telah membuat pelaburan langsung dalam 48 syarikat dan 18 menerusi Pengurus Dana Persumberan Luar. Sektor sasaran terasnya termasuk pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, peruncitan, penjagaan kesihatan dan pembuatan. Ekuinas telah dipilih sebagai satu daripada 3 Firma Terbaik Asia Tenggara oleh Anugerah Ekuiti Persendirian Antarabangsa (PEI) bagi tahun 2018 dan 2019.

### **Dikeluarkan bagi pihak Ekuiti Nasional Berhad**

#### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**acorn communications sdn. bhd.**

Sonyia Ambi di +60 12-628 9733 / Farah Aqilah di +60 19-917 4451

atau di +603 7958 8348 atau e-mel [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)